

# Bimbingan kerjaya BH-TaHa@U di USIM

**Pelajar USIM** mendaftar di kaunter yang dibuka dalam program bimbingan kerjaya anjuran Tabung Haji di USIM Nilai. (FOTO-MOHD AMIN JALIL / STR)



**Kaunter pendaftaran** Kelab TaHa@U mendapat sambutan daripada pelajar USIM.

Oleh **BH Varsiti**  
bhvarsiti@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Saimi Mat Som, berkata program itu diharap dapat memberi panduan kepada bakal graduan mengenai pentingnya perancangan kerjaya sebelum tamat pengajian.

“Program hari ini membabitkan pelbagai aktiviti antaranya ceramah oleh mempersiapkan diri dalam proses mencari kerja, temu duga bersama-sama majikan dan motivasi bersama penceramah terkemuka.

### **Panduan bermanfaat**

“Selain itu, bagi pihak TH kami membantu mahasiswa mempersiapkan diri dari segi fizikal, mental, ilmu serta keyakinan diri sebelum mengharungi dunia pekerjaan. Program ini juga diharap memberi pemahaman kepada pelajar mengenai prospek kerjaya berdasarkan bidang pengajian, panduan serta alternatif mengenai kerjaya yang bakal ditempuhi,” katanya.

Yang turut hadir ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad serta Penolong Pengarang Pendidikan BH, Feroz Abu Bakar.

Program yang diisi pelba-

**PROGRAM HARI INI MEMBABITKAN PELBAGAI AKTIVITI ANTARANYA CERAMAH OLEH MEMPRESIAPKAN DIRI DALAM PROSES MENCARI KERJA, TEMU DUGA BERSAMA-SAMA MAJIKAN DAN MOTIVASI”**

**Mohammad Saimi Mat Som,**  
Pengurus Besar  
Khidmat Pelanggan) TH

gai aktiviti dan maklumat penting untuk manfaat pelajar itu turut dimeriahkan dengan penyertaan 30 agensi dan syarikat termasuk TH yang membuka kaunter pendaftaran untuk keahlian Kelab TaHa@U, selain pasar raya besar yang menawarkan peluang kerja dan

jualan pelbagai produk.

Turut mendapat sambutan dalam program julung kali diadakan di USIM ialah sesi simulasi temu duga, forum dan ceramah bimbingan keusahawanan serta pengucapan awam oleh personaliti TV3, Ally Iskandar. Bagi bakal graduan yang

ingin mengintai peluang perniagaan, jenama penjagaan kecantikan terkenal, Avon turut mengadakan ceramah bertajuk Peluang Kerjaya Bersama Avon.

Sejak dilancarkan 10 April 2010, Kelab TaHa@U menarik penyertaan 300,000 ahli sehingga 30 September lalu.



**Sebahagian pelajar** USIM yang menyertai program bimbingan kerjaya Tabung Haji di USIM, Nilai.